



**KEMENTERIAN KEWANGAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

SIARAN AKHBAR

**MAJLIS PERSEMBAHAN DIKIR SYARAFIL ANAM SEMPENA
SAMBUTAN MAULUD NABI MUHAMMAD SALLALLAHU ALAIHI WASALLAM BAGI
KEMENTERIAN KEWANGAN SERTA JABATAN-JABATAN DI DALAMNYA
TAHUN 1448H/2026M**

Hari Jumaat, 1 Rabiulawal 1448H bersamaan 14 Ogos 2026M

Kementerian Kewangan serta Jabatan-Jabatan di dalamnya telah mengadakan Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi Tahun 1448 Hijrah pada hari Jumaat, 1 Rabiulawal 1448H bersamaan 14 Ogos 2026 bertempat di Masjid Suri Seri Begawan Raja Pengiran Anak Damit, Kampong Manggis Madang.

Hadir selaku Tetamu Kehormat di Majlis Persembahan Dikir Syarafil Anam ialah Yang Mulia Awang Haji Asrul Adrain bin Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr Haji Ahmad, Setiausaha Tetap (Fiskal). Turut hadir ialah ketua-ketua jabatan dan bahagian, pegawai dan kakitangan lelaki Kementerian Kewangan serta Jabatan-Jabatan di dalamnya termasuk pegawai dan kakitangan Brunei Darussalam Central Bank.

Persembahan Dikir Syarafil Anam adalah untuk menyemarakkan lagi Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam di samping bagi mengenang jasa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dalam memperjuangkan syiar Islam sekali gus menyuntik rasa kecintaan kepada Junjungan Besar, Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam.

Seterusnya, Kementerian Kewangan akan meneruskan Majlis Persembahan Dikir ke Masjid Universiti Brunei Darussalam pada Hari Khamis, 20 Ogos 2026.

Majlis ini telah diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan dan Pejabat Penerbangan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

-TAMAT-

Disediakan oleh:

Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat

Kementerian Kewangan

Negara Brunei Darussalam

Emel: corporatecommunication@mof.gov.bn

Rujukan: KKW/ADM/28

Tarikh: 14 Ogos 2026